



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

BELANJAWAN 2023: INSENTIF KEPADA PEMINJAM PTPTN

1. Pembentangan Belanjawan 2023 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia pada 24 Februari 2023 (Jumaat) memberikan pelbagai inisiatif kepada masyarakat Malaysia termasuk peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

2. PTPTN amat berterima kasih dan komited untuk melaksanakan inisiatif belanjawan tahun 2023 iaitu insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN sehingga 20 peratus selama tiga (3) bulan bermula 1 Mac 2023. PTPTN juga menyambut baik inisiatif penangguhan bayaran balik kepada peminjam berpendapatan bulanan RM1,800 ke bawah untuk tempoh enam (6) bulan. Permohonan penangguhan boleh dibuat mulai 1 Mac 2023. Inisiatif ini menunjukkan keprihatin Kerajaan dalam keadaan ekonomi yang mencabar pada masa ini sekali gus meringankan beban kewangan peminjam yang terkesan. Justeru, pelaksanaan inisiatif ini akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

3. PTPTN sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dan bersedia untuk membantu peminjam selaras dengan inisiatif Kerajaan yang telah diumumkan melalui Belanjawan 2023. Untuk sebarang pertanyaan, peminjam boleh melayari portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my atau menghubungi PTPTN melalui saluran berikut:

- *Careline* PTPTN di 03 - 2193 3000
(Beroperasi Isnin hingga Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang)
- *Live Chat* di www.ptptn.gov.my
- e-Aduan di <https://eaduan.ptptn.gov.my/>
- Eksekutif Pemasaran PTPTN di <https://www.ptptn.gov.my/hubungi-ptptn>
- Media Sosial Rasmi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
25 Februari 2023**